

BAB DUA:

KONSEP PENGAJIAN SYARIAH

2.1)PENDAHULUAN

Pengajian Syariah merupakan satu disiplin ilmu yang sangat penting dalam memahami ajaran al-Quran. Ia sentiasa berkembang sesuai dengan perkembangan masyarakat.

Sebelum mengkaji tentang metodologi pengajian Syariah di KUSZA, penyelidik merasakan adalah amat penting untuk memahami dahulu apakah yang dikatakan dengan pengajian Syariah, metodologinya, ruang lingkupnya dan sebagainya.

Dalam bahagian kedua bab ini, penulis membincangkan tentang takrif Syariah dari segi bahasa dan istilah Syara', takrif pengajian Syariah, ruang lingkup pengajian Syariah, objektif pengajian Syariah dan juga metodologi pengajian Syariah.

Dalam bahagian ketiga pula, penulis menyentuh tentang perkembangan pengajian Syariah di Malaysia. Penulis memfokuskan kepada latar belakang pengajian Syariah di Malaysia, pendekatan pengajian Syariah di Malaysia dan juga perkembangan pengajian Syariah di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Seterusnya, penulis membincangkan tentang pengajian Syariah di KUSZA. Perbincangan ini lebih kepada pengenalan. Perbincangan lanjut tentang pengajian Syariah di kolej ini akan diperolehi dalam Bab 3 dan 4.

2.2) KONSEP PENGAJIAN SYARIAH

2.2.1) Takrif Syariah

Sebelum penjelasan lanjut dibuat tentang 'Metodologi Pengajian Syariah', adalah amat penting untuk diuraikan terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan Syariah itu sendiri. Pengertiannya perlulah dilihat dari segi bahasa dan istilah Syaria'.

Syariah Dari Segi Bahasa

Perkataan Syariah berasal dari Bahasa Arab شَرَعَ . Dari segi bahasa, ia membawa dua maksud, iaitu aliran dan jalan yang lurus. Sekiranya dikatakan شَرِيعَةً , maka kita perlu mentafsirkannya sebagai jalan ke sumber air minuman. Manakala kalimah شَرِيعَةٌ membawa maksud mencipta, menjelas dan menerangkan jalan-jalan.¹

Maksud kalimah Syariah juga boleh diperhatikan dari beberapa firman Allah Taala di dalam al-Quran. Antaranya ialah:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

¹ Muhammad Abū Bakr bin 'Abd al-Qādir (1985), *Mukhtār al-Sihah*, Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 335.

Maksudnya: "Kemudian Kami jadikan engkau (Ya Muhammad) di atas Syariat (peraturan) di antara urusan (agama), maka ikutilah Syariat itu dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang tidak berilmu".

Surah al-Jāthiyah (45) : 18

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

Maksudnya : "Kami adakan untuk tiap-tiap ummat di antara kamu satu Syariat (peraturan) dan satu jalan".

Surah al-Māidah (5): 48

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى

Maksudnya: "Dia telah mengaturkan agama bagimu, sebagaimana telah diwasiatkanNya kepada Nuh, dan yang Kami wahyukan kepadamu, dan yang Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan 'Isa.

Surah al-Syūrā (42) : (13)

Syariah Dari Segi Istilah

Dari segi istilah pula, perkataan Syariah boleh ditakrifkan dengan dua keadaan. Berdasarkan kepada Ibn al-Athir ²(606 H) dan al-Qurtubi³ (617H), mereka telah mentakrifkan Syariah sebagai apa sahaja persoalan agama yang telah disyariatkan oleh Allah kepada para hambaNya. Begitu juga al-Fayyūmi, beliau telah

² Ibn al-Athir (1979), h. 640.

³ Al-Qurtubi (1996), juzuk 6, h.137.

mentakrifkan Syariah sebagai apa yang telah disyariatkan oleh Allah⁴. Manakala Yūsuf Hamid al-‘Ālim pula menyimpulkannya sebagai hukum-hukum yang disyariatkan.⁵

Takrif-takrif yang telah disebutkan di atas adalah selaras juga dengan tafsiran yang telah dikemukakan oleh Dr. Mannā’ al-Qattan. Beliau menjelaskan bahawa Syariah ialah hukum-hukum yang disyara’kan oleh Allah S.W.T. untuk hambaNya, samada yang berkaitan dengan Aqidah, Ibadat, Mu’amalat dan sistem-sistem hidup dalam pelbagai aspek demi kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat⁶. Takrif yang dikemukakan oleh Dr. Mannā’ al-Qattan kelihatan lebih lengkap dan jelas huraiannya. Walau bagaimanapun, semua tafsiran di atas membawa makna yang lebih kurang sama sahaja.

Pengertian kedua pula memberi maksud Syariah sebagai hukum-hukum agama yang berbentuk amali iaitu sebagai lawan kepada istilah Aqidah. Tafsiran ini telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana seperti al-Shahrastāni (548H), Dr. Yūsuf Hamid al-‘Ālim, Qatādah bin Diā’mah al-Sudūsi (117H), Badrān Abu al-‘Aynān Badrān, Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqār dan Dr. Khalifah Bakr al-Hassan.⁷

Al-Shahrastāni (584H) menghuraikan Syariah sebagai :

⁴ Al-Fayyumi (t.t.), h. 310.

⁵ Yusuf Hamid al-‘Ālim (Dr) (1994), *Al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*, Cet.2, Riyād al-Dār al-‘Alāmiyyah, h.20.

⁶ Mannā’ al-Qattan, *al-Tasyrī’ wa al-Fiqh fi al-Islām*, h.15.

⁷ Mohd. Saiba Bin Yaacob (2000), “Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh” (Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) h.68-69.

"وَمِنَ الْمَعْلُومِ أَنَّ الدِّينَ كَانَ مُتَقَسِّمًا إِلَى مَعْرِفَةٍ وَطَاعَةٍ، وَالْمَعْرِفَةُ أَصْلٌ وَالطَّاعَةُ فَرْعٌ، فَمَنْ تَكَلَّمَ فِي الْمَعْرِفَةِ وَالتَّوْحِيدِ كَانَ أَصُولِيًّا وَمَنْ تَكَلَّمَ فِي الطَّاعَةِ وَالتَّشْرِيعِ كَانَ فُرُوعِيًّا."

Ertinya:

"Di antara perkara yang sama-sama dimaklumi ialah al-Din itu terbahagi kepada ma'rifat dan taat. Ma'rifat adalah asal (persoalan usul) manakala taat pula adalah (persoalan) furu'. Seseorang yang membicarakan persoalan ma'rifat dan tauhid adalah merupakan seorang usuli, yang berkeahlian dalam ilmu usul al-Din, manakala seseorang yang membicarakan tentang urusan ketaatan dan Syariah merupakan seorang yang berkeahlian dalam ilmu fiqh".⁸

Berbeza dengan pengertian yang pertama, pengertian kedua ini lebih sempit dan khusus dari segi skopnya. Pengertian kedua ini boleh dianggap sebagai pengertian dari segi disiplin pengajian. Ini kerana sebagai satu disiplin pengajian sudah tentulah ia dibincangkan dalam konsep yang lebih sempit⁹. Dengan ini, Syariah telah kelihatan terpisah daripada Usuluddin. Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna kesatuan ilmu-ilmu Islam tidak lagi berlaku. Ini sesuai dengan pandangan al-Jarjāni, beliau mendefinisikan Syariah sebagai jalan hidup yang diiltizamkan secara ta'abbudi.¹⁰

⁸ Muhammad Ibn 'Abd al-Karim al-Shahrastāni (1994), *al-Mithl wa al-Nihāl*, juzuk 1, ed. Abu 'Abd Allah al-Sa'id al-Manduh, Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah, h. 33.

⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Mahmood Zuhdi Bin Hj. Abd Majid (ed.) (2001) *Dinamisme Pengajian Syariah*, h. 1.

¹⁰ *Kitāb al-Ta'rīfāt*, h. 167.

2.2.2) Takrif Pengajian Syariah

Takrif Pengajian.

Menurut takrif yang diberikan di dalam Kamus Dewan Edisi Baru, 'pengajian' ialah usaha atau kegiatan belajar untuk memperolehi pelajaran dan ilmu pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu perkara dan seterusnya mempertingkatkan lagi ilmu itu.¹¹ Sebagai contoh, pengajian bahasa. Maka, ia membawa erti proses mempelajari tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan bahasa itu sendiri. Proses ini juga memerlukan kefahaman tentang apa yang dipelajari.

Menurut perspektif Islam, pengajian diistilahkan sebagai fiqh.¹² Fiqh dari segi bahasa ialah '*Ilmu tentang sesuatu dan kefahaman kita terhadapnya*'.¹³ Perkataan al-fiqh juga telah disebut dalam beberapa ayat al-Quran. Di antaranya ialah:

قَالُوا يَا شُعَيْبُ مَا نَفَقَهُ كَثِيرًا مِمَّا تَقُولُ وَإِنَّا لَنَرَاكَ فِينَا ضَعِيفٌ.

Maksudnya : "Mereka itu berkata kepada Syu'aib : Hai Syu'aib! Kami tiada mengerti kebanyakan perkataanmu dan kami melihatmu seorang yang lemah di antara kami.

Surah Hūd (11) : 91

¹¹ Teuku Iskandar (Dr) (1991), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.489.

¹² Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Mahmood Zuhdi Bin Hj. Abd Majid (ed.) (2001), *Dinamisme Pengajian Syariah*. h. 17.

¹³ Abdul Karim al-Zaydān (Dr), (t t), *Al-Wajiz fi Uṣūl al-Fiqh*, (t.tp), (t pt), h. 8.

قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا

Maksudnya: "Katakanlah : Semua itu dari sisi Allah. Mengapakah kaum itu hampir tiada mengerti perkataan itu?"

Surah al-Nisā' (4) : 78

Manakala dari segi istilah, fiqh ialah ilmu tentang hukum-hukum Syara' yang amali bersumberkan kepada dalil-dalil yang terperinci.¹⁴ Dr Sulaiman al-Asyqār telah menjelaskan bahawa fiqh dalam istilah terkini boleh ditafsirkan sebagai ilmu perundangan Islam, yang mana dikhususkan kepada mengistinbatkan hukum-hukum amali daripada dalil-dalil yang terperinci, secara umum dan menyeluruh.¹⁵ Dalam kefahaman biasa pula, fiqh ialah kefahaman secara umum, samada secara mendalam atau sebaliknya. Tetapi dalam istilah pengajian, fiqh lebih tepat ditakrifkan sebagai kefahaman terhadap sesuatu dengan mendalam.¹⁶

Pengajian Syariah Sebagai Satu Disiplin Pengajian

Daripada takrifan-takrifan di atas, dapatlah difahami bahawa sebagai satu disiplin pengajian, maka pengajian Syariah membawa maksud kefahaman yang mendalam terhadap hukum-hukum Syara' yang bersifat amali berdasarkan dalil-dalil yang terperinci.

¹⁴ *Ibid.*, h.9

¹⁵ Sulaiman al-Asyqār (Dr)(t.t.), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut: Maktabah al-Falāh, h.15.

¹⁶ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Mahmood Zuhdi Bin Hj. Abd Majid (ed.) (2001), *Dinamisme Pengajian Syariah*. h. 1.

Dengan ini, jelaslah bahawa Pengajian Syariah itu sendiri adalah Fiqh. Secara umumnya, boleh juga kita katakan bahawa Pengajian Syariah adalah pengajian ilmu sosial Islam yang merangkumi undang-undang, politik, ekonomi, pentadbiran, pengurusan, perdagangan, perhubungan sosial, kekeluargaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ia sebenarnya merangkumi persoalan yang jauh lebih luas. Ini kerana ia juga meliputi persoalan-persoalan ibadat, iaitu berhubung pengabdian diri manusia kepada Allah Taala.¹⁷

Sebagai satu disiplin pengajian, pengajian Syariah telah dibezakan dengan Pengajian Usuluddin. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, perbezaan yang wujud ini bukan bermaksud terhentinya kesatuan ilmu-ilmu Islam seluruhnya yang sudah pasti memerlukan ketaatan dan kepatuhan kepada Allah Taala.

2.2.3) Metodologi Pengajian Syariah

Metodologi

Setiap proses pembelajaran dan pengajaran memerlukan kepada metodologi. Tanpa metodologi pengajian yang baik, tujuan dan matlamat pembelajaran tidak akan tercapai. Bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti, maka isu metodologi pengajian hendaklah dititikberatkan. Ini kerana dengan adanya metodologi pengajian yang baik, kualiti pendidikan akan dapat dipertingkatkan dari masa ke masa. Para sarjana Barat turut mengemukakan hasil kajian dengan satu kesimpulan bahawa

¹⁷ *Ibid.*, h. 2-3.

semua usaha untuk membangunkan bidang pendidikan akan menemui kegagalan sekiranya aspek kualiti diabaikan. Mereka turut menyifatkan bahawa faktor dalam amat mempengaruhi proses membangunkan pendidikan. Faktor-faktor tersebut ialah strategi pengajaran dan pendidikan, sumber untuk pendidikan, pembangunan kurikulum dan latihan untuk guru serta amalan yang dipraktikkan.¹⁸

Sehubungan dengan itu, Hadisusanto telah menegaskan bahawa cara dan metod mengajar adalah suatu seni, iaitu 'seni mengajar'.¹⁹ Sarjana lain yang turut membincangkan tentang kepentingan metodologi dalam sesebuah pengajian ialah Dr. Sidek Baba. Dalam penulisannya, beliau menjelaskan "*Untuk mencapai taraf pendidikan yang bermutu bergantung kuat kepada kualiti guru, pendekatan yang diamalkan dan orientasi matapelajaran berasaskan nilai.*"²⁰

Dari segi bahasa, metodologi terdiri daripada dua patah perkataan, iaitu 'Metode' dan 'Logi'. 'Metode' berasal dari bahasa Yunani membawa maksud jalan atau cara yang harus dilalui untuk menyajikan bahan pengajaran agar tujuan pengajaran itu akan tercapai. 'Logi' pula berasal dari kata 'logo' yang bererti ilmu.²¹ Sarjana lain yang turut mendefinisikan perkataan metodologi ialah Barnadib (1987). Beliau mentakrifkan metodologi sebagai cara, teknik atau pendekatan-pendekatan

¹⁸ Beeby, C.E (1996), *The Quality Of Education in Developing Countries*. Cambridge: Harvard University Press, h.321-326. Lihat juga Hirst, Paul. (1981), *Some Issues In Improving The Quality Of Education*, Comparative Education. h.185-193.

¹⁹ Romayalis (1990), *Metodologi Pengajaran Agama Islam*. Jakarta: Kalam Mulia, h.103.

²⁰ Sidek Baba (1993), *Pelaksanaan Pendidikan Islam Era 2020 ke Arah Kecemerlangan Generasi Pelajar dalam Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah(ed.) Pendidikan Islam Era 2020 Tasawwur dan Strategi*. Selangor: Tekno Edar, h.25.

²¹ Romayalis (1990), *Op.cit*, h. 103-104.

yang digunakan untuk sesuatu tujuan.²² Oleh yang demikian, bolehlah kita simpulkan bahawa metodologi pengajian merupakan suatu ilmu yang membicarakan jalan atau cara yang harus dilalui bagi mencapai tujuan sesuatu pengajaran.

Hasil daripada perkembangan pemikiran masyarakat dari semasa ke semasa, pemahaman terhadap makna pedagogi atau metodologi pengajian turut berkembang dan menjadi semakin luas.²³ Oleh itu, ruang perbincangan tentang metodologi di dalam penulisan ini terpaksa disempitkan kepada beberapa aspek sahaja iaitu pendekatan, kaedah dan teknik.

Metodologi Pengajian Syariah

Setelah istilah ‘Metodologi Pengajian’ dihuraikan, maka adalah mudah untuk memberi takrifan kepada istilah yang lebih khusus, iaitu ‘Metodologi Pengajian Syariah’. Ia merupakan satu cara, teknik atau pendekatan-pendekatan tertentu yang digunakan bagi mencapai tujuan pengajaran segala ilmu yang berkaitan hukum-hukum Syara’ yang berbentuk amali berdasarkan kepada dalil-dalil nas yang terperinci.

²² Ghazali Darusalam(2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h 2.

²³ Abdul Razak Abdul Kadir (2000), “Metodologi Pendidikan Tamadun Islam di Sekolah-sekolah Menengah di Kuching,Sarawak” (Tesis Sarjana, Kula Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h 28.

Berdasarkan kepada kajian persejarahan, metodologi pengajian Syariah secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga jenis, yang mana ia dipelopori oleh tiga golongan yang berbeza:

- (1) Golongan pertama merupakan mereka yang berpegang teguh kepada warisan fiqh ulama' silam tanpa melakukan apa-apa perubahan.²⁴ Dengan kata lain, mereka memandang warisan silam khususnya kitab-kitab fiqh klasik adalah sama murninya dengan Syariah itu sendiri. Mereka berpegang dengan prinsip ini dengan alasan bahawa penghasil-penghasil Syariah yang lalu terdiri daripada ulama'-ulama' besar yang tidak mungkin ditemui lagi pada hari ini.

Pandangan ini tentulah memberikan impak yang negatif kepada perkembangan Pengajian Syariah. Ini kerana hukum dan ketentuan yang ditentukan oleh ulama' silam adalah dipengaruhi oleh realiti dan keperluan hidup semasa umat Islam ketika itu.²⁵ Oleh itu, keputusan hukum ulama' silam adalah tepat untuk ummat di zaman mereka, tetapi mungkin tidak tepat untuk ummat Islam moden pada hari ini.

- (2) Golongan kedua pula menggunakan metodologi yang sebaliknya. Mereka merupakan golongan yang sedar tentang keperluan terhadap pembaharuan dalam hukum-hukum Syara'. Mereka juga mengakui nilai-nilai semasa dan setempat

²⁴ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Mahmood Zuhdi Bin Hj. Abd Majid (ed.) (2001), *Dinamisme Pengajian Syariah*, h.8

²⁵ Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran, dalam Paizah Hj. Ismail & Ridzwan ahmad (ed.), (2000), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.8

adalah amat penting untuk diambil kira dalam penentuan sesuatu hukum. Malangnya, ramai dari kalangan mereka ini telah bertindak meninggalkan warisan ilmu dan intelektual Islam sehingga ke akar umbinya.²⁶ Hasilnya, sifat murni al-Syariah yang perlu didasarkan kepada wahyu yang bersifat muqaddas telah tercemar. Pandangan dan hasil kajian Barat yang sekular telah banyak menggantikan pandangan golongan kedua ini.

- (3) Akhirnya, barulah lahir golongan ketiga yang mempunyai metodologi pengajian Syariah yang betul. Golongan ini menghargai warisan fiqh silam, tetapi bukanlah dengan cara meniru dan menelan bulat-bulat apa yang telah diputuskan oleh ulama' silam. Segala warisan peninggalan ulama' silam dijadikan bahan rujukan dan mereka mendalami kaedah penentuan hukum yang dilakukan oleh fuqaha' silam. Tetapi, nilai-nilai semasa dan setempat sentiasa diambil kira dalam menentukan hukum bagi permasalahan yang baru timbul.²⁷

Metodologi penentuan hukum yang digunakan oleh golongan ketiga sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah pengajian Syariah. Ia juga telah berlaku di zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat. Sebagai contoh, kisah unta yang kehilangan tuan. Pada zaman Rasulullah S.A.W. dan zaman pemerintahan 'Umar Bin Al-Khattab, unta tersebut akan dibiarkan sahaja berkeliaran sehinggalah tuannya datang mengambilnya. Ini kerana masyarakat pada zaman itu mempunyai

²⁶ *Op.cit.*, h.9.

²⁷ Rahimin Affandi Abdul Rahim (Dr), *Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah*, dalam Paizah Hj Ismail & Ridzwan Ahmad (ed.), (2000), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. 32-33.

kesedaran Islam dan keimanan yang tinggi sehingga tidak memungkinkan mereka mencuri unta tersebut. Sebaliknya, pada zaman pemerintahan 'Uthmān ibn 'Affān, beliau telah memutuskan supaya unta tersebut diikat dan disimpan, sehinggalah tuannya datang menuntutnya. Ini kerana keadaan masyarakat pada zamannya tidak lagi menjamin keselamatan unta tersebut.²⁸

Daripada huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa para pelajar pengajian Syariah mestilah diberi pendedahan tentang ilmu-ilmu lain yang boleh membantu kefahaman mereka terhadap sesuatu masalah semasa. Ia termasuklah ilmu kemasyarakatan, ilmu sains dan teknologi, ilmu perubatan dan sebagainya lagi.

2.2.4) Objektif Pengajian Syariah

Pengajian Syariah mempunyai objektif-objektifnya yang tersendiri. Di antara objektif utama pengajian Syariah ialah:

- 1) Untuk mengeluarkan hukum-hukum Syara' bagi masalah yang timbul di kalangan umat Islam, yang mana tidak ada nas daripada al-Quran mahupun al-Sunnah²⁹. Oleh itu, ia hendaklah mengajar metodologi ijtihad bagi melahirkan fuqaha' yang kompeten. Hasilnya, hukum Islam akan menjadi lebih fleksibel dan boleh berfungsi di setiap zaman dan tempat.

²⁸ Abdul Karim Ali , Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia Yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak dalam Menentukan Hukum, dalam *ibid.*, h.62.

²⁹ Muhamad Awād al-Hazāyah, Mustafā Ahmad Najib(t.t.), *Al-Madkhal Ila al-Tasyri' al-Islāmi*, Urdun : Dār Ammār, h 8.

- 2) Membangunkan manusia ke arah kehidupan yang lebih baik, samada di dunia mahupun di akhirat.³⁰ Melalui pengajian Syariah, umat Islam akan memahami peraturan atau hukum yang telah Allah-tetapkan, sekaligus mengamalkan segala ajaran Islam. Dengan ini, kehidupan mereka akan selamat samada di dunia mahupun di akhirat.
- 3) Untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam sesebuah masyarakat³¹. Tanpa mengira harta dan pangkat, Syariah Islam wajib ditegakkan ke atas semua manusia mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Allah Taala.
- 4) Menyusun semua perbuatan manusia dalam setiap tindak tanduk yang dilakukan, agar ia bertepatan dengan kehendak Allah Taala³².

2.2.5) Ruang Lingkup Pengajian Syariah

Ruang lingkup pengajian Syariah adalah amat luas. Ia berjalan seiring dengan perkembangan sesebuah masyarakat dan mengikut keperluan mereka. Ruang lingkup pengajian Syariah telah berkembang dari satu zaman ke satu zaman sehinggalah ia menjadi begitu luas dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Perkembangan ini boleh dilihat seperti berikut:

³⁰ *Ibid.*, h.3.

³¹ *Ibid.*

³² Abbas Husni Mohamad (1996), *Perkembangan Fiqah Islam*. Mohd. Asri Hashim (terj). Terengganu: Percetakan Yayasan Terengganu, h.31.

- (1) Pengajian Syariah di zaman Rasulullah S.A.W. di peringkat awalnya adalah sekitar mempelajari al-Quran sahaja.
- (2) Kemudian, ia berkembang kepada mengkaji dan mentafsirkan hadith-hadith Rasulullah S.A.W. Seterusnya, berkembang pula ilmu hadith seperti matan, sanad, perawi hadith serta kedudukan sesebuah hadith.³³
- (3) Daripada kajian terhadap al-Quran dan al-Sunnah, maka lahirah pula ilmu tafsir.
- (4) Akibat penyebaran Islam ke seluruh pelusuk dunia, timbulah masalah ketidakseragaman bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Oleh itu, timbulah pula ilmu qirāat.
- (5) Selanjutnya, penganalisisan hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah memerlukan pula kepada ilmu usul fiqh sebagai satu kaedah yang jelas dalam disiplin pengajian.³⁴
- (6) Ilmu bahasa telah diasaskan bagi mengatasi masalah bahasa dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah yang telah diturunkan dalam bahasa Arab. Rujukan dalam menetapkan kaedah bahasa ini ialah Syair dan bidalan Arab.
- (7) Oleh itu, pengembaraan ke perkampungan dan desa masyarakat Arab terpaksa dilakukan.
- (8) Pengembaraan di padang pasir pula memerlukan pengetahuan yang luas tentang muka bumi, bintang dan sebagainya. Maka, ilmu bintang dan astronomi telah menjadi keperluan pengajian Syariah..³⁵
- (9) Pengajian Syariah juga memerlukan kita mendalami ilmu kemasyarakatan. Bagi memutuskan sesuatu hukum, seseorang individu perlulah mengetahui latar

³³ *Ibid*, h 6

³⁴ *Ibid*.

³⁵ *Ibid*, h 6-7.

belakang masyarakat yang terlibat. Ia termasuklah memahami adat dan urf sesebuah masyarakat.

(10) Selain itu, pengajian Syariah turut memerlukan pengetahuan terhadap sistem ekonomi, perundangan, politik dan pengurusan.³⁶

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah pengajian Syariah sebenarnya mempunyai pertalian yang kuat dengan ilmu-ilmu yang lain, samada ilmu moden ataupun ilmu sejarah. Ilmu-ilmu ini amat diperlukan oleh seseorang ulama bagi mempertingkatkan tahap kefahamannya. Dengan ini, barulah pengajian Syariah akan dapat berkembang dan beroperasi di setiap zaman dan tempat. Sikap suka bertaqlid juga akan dapat ditinggalkan dengan adanya kefahaman tentang ilmu-ilmu yang lain.

2.2.6) Kaedah-kaedah Pengajian Syariah

Kejayaan sesuatu pengajian banyak bergantung kepada metodologi pengajaran atau keadah-kaedah penyampaian sesuatu pengajian itu sendiri. Pengajaran merupakan satu proses pemindahan ilmu pengetahuan.³⁷ Dalam konteks pengajian Syariah, kaedah-kaedah pengajaran amat penting untuk dititik beratkan agar pengajian ini dapat disampaikan dengan sistematik dan terancang. Dalam bahagian ini, penulis mendatangkan beberapa kaedah yang telah diterima pakai di dalam pengajian Islam. Memandangkan pengajian Syariah merupakan salah satu

³⁶ Abbas Husni Mohamad (1996). *Perkembangan Fiqah Islam*. Mohd. Asri Hashim (terj), h 126.

³⁷ Hasan Langgulung (1985), *Pendidikan dan Peradaban Islam Suatu Analisa Sosio-Psikologi*. Jakarta Penerbit Pustaka al-Husna, h 3.

disiplin ilmu daripada ilmu-ilmu pengajian Islam, maka adalah tidak menjadi masalah untuk merujuk kepada kaedah-kaedah ini.

Secara umumnya, al-Quran al-Karim telah menjelaskan tentang kaedah pendidikan. Firman Allah Taala:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: "Ajaklah mereka ke jalan Tuhan dengan bijaksana dan pengajaran yang baik dan bertukar fikiranlah dengan mereka dengan sebaik-baiknya.

Surah al-Nahlu (16) : 125

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah Taala telah mengajar manusia cara terbaik dalam menyampaikan sesuatu pengajaran. Allah menyeru kita berfikir kaedah yang sesuai dengan golongan yang akan menerima pengajaran serta menganjurkan kita supaya berbincang atau bertukar fikiran dengan mereka.

Menurut Imam al-Shaibāni pula, terdapat beberapa prinsip utama dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

- 1) Memelihara motivasi dan minat dalam pembelajaran
- 2) Memelihara tujuan-tujuan para pelajar dan menolong mereka mengembangkan tujuan-tujuan tersebut³⁸.

³⁸ Al-Syaibānī et al (1991), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hasan Langgulung (terjem) Shah Alam: Hizbi, h 549-552.

- 3) Memerhatikan tahap persediaan para pelajar untuk belajar dan tahap kematangan yang mereka capai.
- 4) Mengetahui perbezaan-perbezaan individu pada mereka.
- 5) Menyediakan peluang penyertaan yang praktikal bagi murid-murid.
- 6) Memelihara kesefahaman, hubungan satu aspek dengan yang lain, pengalaman yang padu dan berlanjutan, keaslian dan kebebasan berfikir.
- 7) Menjadikan proses pendidikan adalah sesuatu yang menggembirakan dan memberi kesan yang pada diri murid-murid.³⁹

Dalam sejarah pengajian Islam di negara kita, beberapa kaedah telah digunakan samada di pondok-pondok, sekolah, maktab atau di Institut Pengajian Tinggi. Kaedah-kaedah ini biasanya dipilih oleh guru berdasarkan kesesuaian para pelajar mereka.

1)Kaedah Qudwah

Qudwah bermaksud contoh atau ikutan. Pengajaran melalui qudwah bermaksud pengajaran secara tidak formal dengan menjadikan guru sebagai ikutan para pelajar⁴⁰. Contohnya, seseorang guru perlu berakhlak baik dan menepati masa agar ia menjadi contoh kepada para pelajar. Firman Allah Taala:

³⁹ *Ibid.*, h.552-572.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 575.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: Sesungguhnya pada diri Rasulullah S.A.W. itu sendiri teladan yang baik bagi kamu.

Surah al-Aḥzāb (33) : 21

2) Kaedah Perbincangan/Soal Jawab

Kaedah ini merupakan satu interaksi yang melibatkan pertukaran pendapat tentang sesuatu yang akhirnya akan mendatangkan hasil atau natijah untuk dijadikan pedoman.⁴¹ Di dalam al-Quran, Allah 'Azza Wajalla telah menyebut kaedah ini dengan firmanNya:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ

Maksudnya: Tahukah engkau, apakah malapetaka itu (Yaitu hari Kiamat) Pada hari itu manusia seperti kupu-kupu yang bertebaran (kerana ketakutan).

Surah al-Qāri'ah (101) : 3&4

Kaedah ini sangat sesuai digunakan bagi pelajar di peringkat pengajian tinggi⁴². Melalui kaedah ini, satu persoalan akan ditimbulkan, samada oleh guru ataupun pelajar. Pada akhir perbincangan, soalan-soalan ini akan diberikan penjelasan yang baik oleh guru. Rasulullah S.A.W. juga mencontohi kaedah ini ketika menyampaikan ilmu kepada para sahabat.⁴³ Cendikiawan Islam seperti Al-'Abdari juga memberi peluang kepada para pelajarnya untuk mengajukan soalan. Beliau telah

⁴¹ Abu Urwah (1987), *Risālah Ushrah*, j.1, Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h.37.

⁴² Asma Hasan Fahmi (1979), *Sejarah dan Filsafat Pendidikan Islam*, Ibrahim Hussein (terj), Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h.154.

⁴³ Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*, h.259

memperuntukkan masa di akhir waktu sebelum tamat kelasnya untuk para pelajar bertanya.⁴⁴

3) Kaedah Kuliah

Keadah kuliah atau syarahan merupakan kaedah yang telah lama digunakan oleh guru. Malah, Rasulullah S.A.W. telah menggunakan kaedah ini ketika baginda menyampaikan ilmu. Contohnya, ketika menyampaikan khutbah kepada ummat Islam semasa mengerjakan ibadat haji yang terakhir pada hari Arafah. Ia dikenali sebagai *Hajjatul Widā'*.⁴⁵

Beberapa perkara perlu diberi perhatian sebelum sesuatu syarahan itu disampaikan. Antaranya ialah:

- a) Para pendengar atau pelajar diingatkan supaya memberi perhatian terhadap isi khutbah yang akan disampaikan.
- b) Syarahan yang diberi hendaklah dipastikan jelas sebutannya dan difahami oleh pelajar. Perkara-perkara yang penting perlu diulang beberapa kali.
- c) Syarahan hendaklah ringkas, tepat serta tidak meleret-leret.
- d) Guru atau penyampai syarahan itu hendaklah memastikan isi syarahannya sesuai dengan tahap pemikiran pendengar dan tempat di mana seseorang itu berada.
- e) Gaya penyampaian seperti jari dan lain-lain boleh digunakan ketika menyampaikan

⁴⁴ *Op.cit.*

⁴⁵ Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. h.261.

kuliah. Ia bertujuan membuat penekanan tentang sesuatu perkara yang dirasakan penting.

f) Satu perkara lagi yang penting ialah guru perlu mendatangkan contoh-contoh yang berkaitan dengan apa yang disampaikan. Contoh-contoh tersebut perlulah sesuai dengan apa yang pernah dialami oleh pendengar atau contoh yang biasa dilihat.⁴⁶

4) Kaedah Halaqah

Kaedah ini biasanya digunakan dalam sistem pengajian pondok. Halaqah juga disebut sebagai usrah. Guru akan memberi penjelasan berkaitan sesuatu tajuk, manakala para pelajar duduk melingkungi guru secara berkumpulan. Kaedah ini dipercayai dapat menjalinkan hubungan baik di antara pelajar dan guru.⁴⁷

5) Kaedah Bercerita

Di dalam al-Quran, Allah taala telah menyebut beberapa kisah untuk menjadi pengajaran dan teladan kepada umat Islam. Firman Allah:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ

Maksudnya: Kami kisahkan kepadamu sebaik-baik kisah dengan apa yang kami wahyukan kepadamu al-Quran Ini.

Surah Yūsuf (12) : 3

⁴⁶ *Ibid.*, h. 261-262

⁴⁷ Abdul Raof Dalip, "Kaedah Khas Pengajaran Tauhid ; Kursus Guru-guru Agama Sekolah Menengah Tadbiran Kerajaan Negeri", (Kertas kerja kursus.(t tp)18-23 Disember 1985), h.90-91.

Kaedah ini dikenalpasti sebagai kaedah yang amat berkesan kerana para pelajar memang berminat dengan cerita-cerita. Walau bagaimanapun, cerita yang disampaikan perluah ringkas dan tidak -meleret-leret.⁴⁸ Kaedah ini sebenarnya mempunyai pengaruh penting kepada perkembangan keperibadian manusia.

Antaranya ialah:

- a) Dari segi perkembangan akidah tauhid
- b) Dari segi perkembangan akhlak
- c) Dari segi perkembangan intelek
- d) Dari segi perkembangan emosi
- e) Dari segi perkembangan perwatakan⁴⁹

6) Kaedah Hafalan

Kaedah ini lebih melibatkan daya ingatan. Ia memerlukan kesungguhan dan ketekunan bagi mengingat apa yang dipelajari secara lisan dan bertulis. Ia boleh menguat dan memperkembangkan ingatan. Kaedah ini juga melibatkan 3 peringkat hafalan, iaitu;

- a) Peringkat hafalan sahaja.
- b) Peringkat hafalan dan kefahaman
- c) Peringkat hafalan dan kefahaman dengan analisis.⁵⁰

⁴⁸ *Op.cit.*, h.94.

⁴⁹ Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. Pustaka Ilmi, Kuala Lumpur, h.204-208.

⁵⁰ Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam* h. 205.

7) Kaedah Lawatan

Kaedah ini boleh diertikan sebagai kaedah pengajaran yang dilaksanakan dengan cara melakukan lawatan sambil belajar di luar kelas. Melalui kaedah ini, minat para pelajar akan berkembang kerana ia membawa suasana yang berbeza, iaitu tidak hanya tertumpu di dalam kelas.⁵¹

8) Alat Bantu Mengajar

Bagi menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) amatlah penting. Alat-alat untuk mengajar tidak terhad kepada buku-buku teks, papan tulis dan gambar-gambar sahaja. Tetapi, ia merangkumi juga segala benda yang digunakan dalam pelajaran dan dapat dilihat, didengar, dipegang, dirasai, dihidu, dikisahkan, digunakan dan sebagainya.⁵²

Alat Bantu Mengajar boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian. Menurut Atan Long, Alat-alat Bantu Mengajar boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu alat-alat pendengaran, alat-alat pandangan dan alat-alat pandang-dengar.⁵³ Manakala, Noraziah Abd Hamid pula menggolongkan alat-alat tersebut kepada dua kumpulan sahaja, iaitu media elektronik dan media bukan elektronik.⁵⁴ Di antara ABM yang

⁵¹ *Ibid.*, h 279.

⁵² Kamaruddin Haji Husin (1986). *Panduan Latihan Mengajar (Siri Maktab Perguruan)*. Kuala Lumpur : Heineman (Malaysia) Sdn Bhd., h 133&134.

⁵³ Atan Long (1981), *Pedagogi-Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, h 179-203.

⁵⁴ Noraziah Abd Hamid, "Alatan Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa" (Kertas Kerja Seminar Perguruan, Kuala Lumpur, 28-30 Disember 1981), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h 2.

biasa digunakan ialah gambar, carta dan jadual, buku teks, kad manila, papan tulis, keratan akhbar, alat rakaman, radio, televisyen, filem slaid dan projektor.⁵⁵

9) Kaedah Tugasan

Selain daripada kaedah-kaedah yang telah disebutkan di atas, terdapat juga kaedah tugasan. Ia boleh dijelaskan sebagai:

"satu cara mengajar yang dicirikan oleh adanya kegiatan perencanaan antara murid dengan guru mengenai suatu persoalan atau masalah yang harus diselesaikan oleh murid dalam jangka waktu tertentu yang disepakati bersama antara murid dengan guru".⁵⁶

Sebagai contoh, seorang pensyarah memberikan tugas kepada pelajarinya untuk menyiapkan kertas kerja, mengarang esei, mengulangkaji pelajaran di rumah atau menghafaz sesuatu pelajaran.

Dalam kaedah tugasan ini, beberapa perkara perlulah diberi perhatian oleh pensyarah, iaitu:

- a) Tugas yang diberi mestilah jelas dan tegas. Ini bagi mengelakkan keraguan di kalangan pelajar tentang tugasan tersebut.
- b) Tugas yang diberi perlu sesuai dengan taraf perkembangan kecerdasan dan minat pelajar.

⁵⁵ Lihat Kamarudin Haji Husin (1986), *Panduan Latihan Mengajar (Siri Maktab Perguruan)*. h 148-158

⁵⁶ Jusuf Djajadisastra (1985), *Metode-metode Mengajar I*. Bandung: Penerbit Angkasa, h 46

- c) Tugas tersebut perlulah berkaitan dengan sukatan pelajaran yang sedang diajar oleh pensyarah.⁵⁷
- d) Adalah lebih baik sekiranya tugas itu memupuk keinginan-keinginan untuk melakukan penyelidikan dan penelitian.⁵⁸

Melalui tugas ini, para pelajar dapat memahami tentang apa yang dipelajari dengan lebih mendalam. Ia juga mendidik pelajar supaya menjadi lebih bertanggungjawab dan amanah dengan tugas yang diberi.

2.3) PERKEMBANGAN PENGAJIAN SYARIAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, pengajian Syariah telah melalui beberapa zaman. Dalam bab ini, penyelidik cuba mengkaji sejarah bermulanya pengajian Syariah di negara ini dan juga pendekatan yang digunakan bagi setiap zaman, serta perkembangannya sehingga ke hari ini.

2.3.1) Latarbelakang Pengajian Syariah di Malaysia

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada kurun ke-15 Masihi telah menjadi titik tolak kepada pengajian tentang ilmu Syariah. Hubungan perdagangan yang terjalin di antara penduduk di Tanah Melayu dengan pedagang-pedagang Arab telah meninggalkan kesan yang besar dari segi agama. Penduduk setempat telah menerima

⁵⁷ *Ibid.*, h 55

⁵⁸ *Ibid.*

pengaruh agama dan kebudayaan mereka. Malah, ramai pula penduduk setempat yang belayar ke negeri-negeri Arab, khususnya Mekah untuk menunaikan fardu haji serta menuntut ilmu⁵⁹.

Setelah pembukaannya Terusan Suez, usaha mempelajari ilmu agama menjadi bertambah pesat. Semakin ramai penduduk setempat yang belayar ke Mesir dan negeri-negeri lain di Timur Tengah untuk mencari ilmu agama. Melalui usaha golongan yang balik dari Timur Tengah inilah, maka tersebarlah ajaran Islam di Tanah Melayu. Mereka telah menubuhkan pondok-pondok dan sekolah-sekolah Arab sebagai institusi pendidikan formal ketika itu.⁶⁰ Bagi memudahkan kita memahami sejarah pembelajaran Syariah di Malaysia, kita perlu membuat penilaian terhadap 4 zaman:

1) Pendekatan Pengajian Syariah di Zaman Melayu Klasik

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pengajian Syariah yang difahami pada hari ini sebenarnya diistilahkan juga sebagai fiqh, iaitu kefahaman yang mendalam terhadap hukum-hukum Syara' yang berbentuk amali, berdasarkan kepada nas yang terperinci⁶¹. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa ramai ulama' silam lebih gemar menggunakan istilah fiqh.

⁵⁹ Amran Kasimin (1991), *Religion and Social Change Among The Indigenous People of The Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 11.

⁶⁰ Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama* Kuala Lumpur: Dinie Publishers, h. 22.

⁶¹ Abbas Husni Mohamad (1996), *Perkembangan Fiqah Islam* 31.

Perkembangan Islam di Zaman Melayu Klasik dikesan telah wujud dari tahun 1200-1900 Masihi. Ia berlaku dalam 3 peringkat:

- 1) Dari tahun 1200-1400 Masihi – Zaman pengislaman Masyarakat Melayu secara zahir dan luaran sahaja. Pengislaman secara luaran sahaja telah menyebabkan pengetahuan agama di kalangan masyarakat Melayu ketika itu menjadi terlalu sempit dan terbatas. Begitu juga dalam bidang Syariah, mereka tidak mendapat pendedahan yang mendalam.
- 2) Dari tahun 1400-1700 Masihi – Zaman Pengislaman Masyarakat Melayu secara zahir dan batin. Pengajian Syariah ketika ini lebih berkembang berbanding peringkat pertama. Bahkan, dalam bidang-bidang yang lain, seperti Usuluddin dan Tasawwuf, perkembangan yang sama turut berlaku.
- 3) Dari tahun 1700-1900 – Zaman penerusan idea dari zaman yang kedua. Pengajian Islam menjadi semakin berkembang dan mendapat perhatian masyarakat⁶². Malangnya, ia terganggu dengan kedatangan kuasa British ke Tanah Melayu.⁶³

Daripada penerangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa perkembangan pengajian Syariah di Tanah Melayu adalah dipengaruhi kuat oleh keadaan masyarakat ketika itu. Kedatangan Islam yang masih terlalu baru di kalangan mereka telah

⁶² Rahimin Affandi Abdul Rahim, Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah dalam Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (ed.) (2000), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembentukan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, h.23.

⁶³ Zainah Ismail (1994), Pendidikan Islam di Malaysia dalam *Jurnal Al-Mau'izah*, Jilid 2, Bil 1, Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, h.73. Lihat juga Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*, h.103.

menyebabkan pemahaman tentang Syariah dan juga ilmu-ilmu pengajian yang lain menjadi terbatas.

Di Zaman Melayu Klasik, pendekatan pengajian Syariah yang digunakan berada di tahap yang agak rendah. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan masyarakat Melayu ketika ini masih baru menerima Islam. Tambahan pula, pengislaman masyarakat Melayu sebenarnya berlaku secara beransur-ansur, iaitu dalam 3 peringkat.

Pada peringkat awal, pengajian Islam di zaman ini dipelajari secara tidak formal samada di rumah, masjid, surau dan istana⁶⁴. Kemudian, ia berkembang kepada pengajian yang lebih formal iaitu di institusi pengajian pondok. Institusi pondok di Tanah Melayu telah dikesan bermula pada akhir abad ke-17. Ini berdasarkan catatan bahawa pada ketika itu, sudah terdapat sebuah institusi pondok di Pulau Manis, Terengganu yang didirikan oleh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis⁶⁵. Ini diikuti pula oleh penubuhan banyak lagi institusi pondok di seluruh Tanah Melayu ketika itu. Pengajian Syariah di zaman ini dikenali sabagai fiqh tradisional.

Sistem pengajian pondok adalah berbentuk "UMUMI". Ia bermaksud suatu struktur pengajian secara tradisional di mana pembelajarannya disampaikan dengan

⁶⁴ Abdullah Ishak, Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia dalam Abdul Halim El-Muhammady (ed.), (1994), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn Bhd., h.158.

⁶⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. dalam Hussain Haikal & J. Firmansyah, Jakarta: Gema Insani, h.34.

menadah kitab. Para pelajar pula duduk bersila mengelilingi tok guru dalam bentuk bulatan atau atau separuh bulatan yang dikenali sebagai halaqah. Dari segi kemudahan pula, tidak terdapat alat-alat dan kemudahan pembelajaran seperti meja, kerusi, papan hitam dan kapur. Apa yang ada hanyalah kitab dan alat tulis⁶⁶. Hubungan di antara tok guru dengan para pelajar pula adalah amat rapat. Ia merupakan salah satu daripada metod pembelajaran yang bertujuan menambahkan lagi keberkesanan dalam pembelajaran.⁶⁷ Ketika di dalam kelas, pelajar-pelajar hanya menerima ajaran Islam yang disampaikan oleh ulama'-ulama' tanpa menyoyal. Proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku adalah sehalu sahaja. Mana-mana pelajar yang menyoyal dianggap menentang atau sangsi kepada ajaran ulama tersebut⁶⁸.

Di institusi pengajian pondok, penekanan adalah diberikan kepada Mazhab Syafie. Ini kerana ulama'-ulama' yang membawa Islam ke Tanah Melayu adalah pendokong Mazhab Syafie⁶⁹. Kandungan kitab-kitab fiqh karangan ulama' ketika itu adalah bertaqlid kepada mazhab yang empat, terutamanya Mazhab Syafie. Walaupun mereka bertaqlid kepada Mazhab Syafie, namun mereka tidak merujuk kepada karya-karya asal Imam al-Syafie. Sebaliknya, mereka hanya merujuk kepada kitab-kitab ulama' Syāfi'iyah, iaitu ulama' yang mendokong Mazhab Syafie.⁷⁰

⁶⁶ *Op.cit.*, h. 162.

⁶⁷ Abdullah Ishak, Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia dalam Abdul Halim El-Muhammady (ed.) (1994), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, h. 168.

⁶⁸ Zainah Ismail (1994), Pendidikan Islam Malaysia dalam *Jurnal al-Mau'izah*, h. 75.

⁶⁹ *Op.cit.*, h. 176

⁷⁰ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah dalam Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad(ed.), (2000) *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, h. 46.

Dari segi silibus pengajaran persoalan ibadah lebih diberi perhatian. Apabila disebut fiqh, masyarakat ketika zaman ini lebih memahaminya sebagai ilmu yang bersangkutan soal-soal ibadah. Walaubagaimanapun, ini bukanlah bererti ulama' ketika itu mengabaikan terus bidang-bidang fiqh yang lain. Selain persoalan ibadah, ulama' tradisional juga turut menyentuh tentang munakahat, muamalat dan juga jenayah.⁷¹

Dalam aspek ibadah, ulama' tradisional banyak menekankan tentang ibadat solat, yang diawali dengan hukum bersuci, diikuti oleh hukum solat itu sendiri dan diakhiri dengan hukum wirid dan doa. Selain itu, perbincangan turut menyentuh tentang persoalan-persoalan *u'dhiyah* seperti korban dan *aqiqah*, halal dan haram dalam makanan, serta perburuan dan penyembelihan.⁷²

Bagi bab munakahat, perkara yang dibahaskan ialah pertunangan, perkahwinan, hak dan kewajipan suami isteri seperti nafkah dan hadhanah serta perceraian dan rujuk. Walaubagaimanapun, penerangan tentang munakahat lebih banyak menyentuh tentang tanggungjawab-tanggungjawab isteri dan biasanya hanya beberapa mukasurat sahaja menyebut tentang tanggungjawab suami.⁷³

Bidang muamalat pula difokuskan kepada masalah sosioekonomi seperti riba, jual beli, jual saham, muflis, berhutang, gadai, sulh, hiwalah, berwakil, iqrar, wadi'ah, luqatah, mengupah, sewa, dhaman, ariyah, mati dan wakaf. Selain itu, dibincangkan

⁷¹ *Ibid.*, h.47

⁷² Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*. h.47.

⁷³ *Ibid.*, h.48

juga tentang pembahagian pusaka, ahli waris, sisa harta, wasiat dan sebagainya. Manakala dalam bidang jinayat, tiga jenis hukum difokuskan, iaitu hudud, qisas dan ta'zir. Di samping itu, pemikiran fiqh tradisional turut menyentuh persoalan keadilan dan kehakiman, jihad, peperangan dan lain-lain.⁷⁴

Daripada huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa ruang lingkup fiqh tradisional adalah agak menyeluruh. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya ilmu ibadah lebih diberi perhatian. Masalah utama dalam pemikiran fiqh tradisional ialah ia tidak membincangkan mengenai ilmu politik. Hukum-hukum fiqh juga belum berjaya diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat ekoran daripada sikap kompromi mereka terhadap hukum adat sehingga membelakangi hukum Islam.

2) Pendekatan Pengajian Syariah di Zaman Penjajahan Kuasa British

Perkembangan pengajian Syariah atau fiqh di zaman ini meliputi tahun 1900 hingga 1940an. Pengajian Syariah di zaman ini menampakkan perubahan positif berbanding dengan zaman sebelumnya. Peristiwa terpenting yang mempengaruhi perkembangan pengajian Islam ketika ini ialah pertentangan hebat di antara kaum tua dan kaum muda. Isu yang menjadi perselisihan di antara mereka ialah apakah metodologi yang terbaik untuk digunakan dalam pengajian Islam khususnya fiqh bagi menghadapi arus pemodenan kuasa British.⁷⁵

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim (Dr) (2000), *Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah dalam Fiqh Malaysia Ke Arah pembentukan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. h.25.

Kaum Tua berpendapat bahawa cara hidup lama masyarakat perlu dikekalkan. Mereka mengatakan bahawa usaha pemodenan akan menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian ummat Melayu dan Islam-itu sendiri. Tidak hairanlah jika mereka melaung-laungkan bahawa model ikutan terbaik ummat Islam adalah dengan cara kembali kepada cara hidup lama atau klasik dan menolak segala pemodenan.⁷⁶

Sebaliknya, kaum muda pula berpendapat bahawa ummat Islam perlu mengikuti proses pemodenan ini dengan suatu sikap yang positif dan proaktif dengan mengubah banyak amalan tradisional yang berbentuk anti-pemodenan dan bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri. Kebanyakan mereka yang menyertai kaum muda ialah lulusan Timur Tengah⁷⁷. Nabir Haji Abdullah telah menjelaskan bahawa kaum muda merupakan mereka yang lebih menumpukan kepada pentafsiran yang tidak terikat maksudnya dan suka menjauhi taqlid serta jumud dan sentiasa berpandukan kepada ijmak-ijmak golongan mujtahid.⁷⁸

Perbezaan pandangan yang berlaku di antara kedua-dua golongan ini telah memberi kesan terhadap pandangan mereka di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan Islam⁷⁹. Tiga perkara baru yang muncul ekoran perbezaan pandangan mereka ialah:

⁷⁶ *Ibid.*, h 26.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Zainah Ismail (1994), Pendidikan Islam Malaysia dalam *Jurnal al-Mau'izah*, h 76.

⁷⁹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (Dr) (2000), *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah dalam Fiqh Malaysia Ke Arah pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. h 26.

- i) Cara pengajaran Islam ala taqlid yang telah lama berlangsung di Tanah Melayu dikritik hebat oleh Kaum Muda. Ia sebenarnya ditujukan khusus kepada bentuk dan kandungan pengajaran Islam di pondok.
- ii) Sistem feudal masyarakat Melayu juga dikritik oleh kaum muda. Mereka beranggapan bahawa sistem ini hanya akan melahirkan masyarakat yang lemah.
- iii) Lahirnya idea supaya diberi penekanan kepada persoalan dan permasalahan semasa. Kaum muda berusaha memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu ketika itu bagi melahirkan masyarakat yang mampu mengupas segala persoalan yang timbul dari kacamata intelektual.⁸⁰

Perbezaan pandangan di antara kedua-dua golongan telah menyaksikan perbezaan dalam beberapa isu. Tiga isu terpenting yang menjadi bahan perdebatan mereka ialah:

1) Soal Fungsi Akal di Dalam Memahami Ajaran Islam

Kaum Tua telah menolak penggunaan akal dalam memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah. Mereka mengatakan bahawa kemampuan akal sangat terbatas. Ia hanya berperanan untuk memahami amalan yang telah ditetapkan dalam mazhab yang empat tanpa mengambil kira faktor perbezaan setempat.

Kaum Muda pula amat menggalakkan penggunaan akal kerana banyak ayat al-Quran yang menyebut peranan akal dalam memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah. Seruan Kaum Muda terhadap penggunaan akal bukan bermakna mereka

⁸⁰ *Ibid.*, h. 26-27.

menolak wahyu Allah, tetapi mereka berpendapat akal mestilah disokong dan dibantu penggunaannya dengan nas al-Quran dan al-Sunnah.⁸¹

2) Persoalan Ijtihad dan Taqlid

Kaum Tua menganggap pintu ijtihad pada zamannya telah tertutup. Ini menggambarkan bahawa mereka telah mengamalkan budaya taqlid berasaskan mazhab yang mereka anuti semenjak awal lagi. Apa yang lebih mengejutkan, mereka akan menuduh kafir kepada sesiapa yang cuba mencabar atau mempertikaikan budaya taqlid ini.

Bagi Kaum Muda pula, mereka yakin bahawa pintu ijtihad masih terbuka berterusan. Mereka menggalakkan ummat Islam supaya berjihad, tetapi tetap ada batasannya. Bagi mereka yang kompeten, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk berjihad. Sebaliknya, bagi mereka yang tidak mampu, mereka diseru supaya berittiba⁴, atau menerima pandangan orang yang lebih arif di kalangan mereka dengan mengetahui dalil-dalilnya⁸². Kaum muda juga mengatakan bahawa ijtihad merupakan roh dan semangat utama kepada Syariah Islam. Dengan ini, umat Islam pada setiap zaman dan tempat akan memperolehi jalan keluar kepada setiap permasalahan yang timbul.

⁸¹ *Ibid.*, h.28.

⁸² Abdul Rahman Bin Haji Abdullah(1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. 237.

3) Persoalan Tentang Pandangan Terhadap Kitab Fiqh Klasik

Dalam isu berpegang kepada kitab fiqh klasik, Kaum Tua berpendapat umat Islam sepatutnya menghargai warisan Islam ini dengan menerima sahaja apa yang terdapat di dalamnya. Segala usaha untuk menilai semula pandangan ulama' silam yang terdapat dalam kitab fiqh klasik akan ditentang habis-habisan.

Kaum muda pula memandang isu ini dari beberapa sudut. Seperti Kaum Tua, Kaum Muda juga amat menghargai warisan fiqh klasik. Tetapi, cara mereka menghargainya nyata berbeza. Bagi Kaum Muda, cara yang terbaik ialah dengan meniru dan mengamalkan pendekatan yang telah digunakan oleh ulama' silam, bukannya meniru dan mengambil bulat-bulat pandangan mereka. Selain itu, kita juga perlu menggunakan fatwa ulama' silam sebagai alat bantu dalam menghasilkan sesuatu fatwa yang baru.

Kaum Muda telah berusaha menyerapkan idea tajdid melalui pendidikan Islam moden yang dikenali sebagai madrasah. Mereka menyampaikan pengajaran Islam di madrasah-madrasah dengan menggunakan cara pengajaran moden. Tidak seperti di pondok-pondok, kelengkapan di sini lebih baik. Terdapat papan hitam, kapur dan buku-buku teks yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar pula dibenarkan bersoaljawab dengan guru mengenai sesuatu yang mereka kurang ketahui.⁸³

⁸³ Zainah Ismail (1994), Pendidikan Islam di Malaysia dalam *Jurnal Al-Mau'izah*, h. 77.

Idea tajdid kaum muda telah diteruskan melalui institusi pendidikan Islam moden yang dikenali sebagai Madrasah. Setelah tamat di madrasah ini, para pelajar digalakkan menyambung pengajian di timur Tengah. Ini memandangkan Timur Tengah adalah pusat utama penyebaran idea tajdid. Hasilnya, beberapa idea tajdid telah tersebar dalam institusi yang terlibat dalam pentadbiran undang-undang Islam. Antaranya ialah penggunaan konsep masalah oleh mufti, konsep talfiq dalam kes pembayaran zakat, dan juga pendekatan yang tidak terikat kepada sebarang mazhab dalam memutuskan sesuatu hukum.⁸⁴

Kesimpulan daripada penerangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa gagasan konsep fiqh Islam semasa telah wujud pada zaman ini. Walaupun kewujudannya masih dalam bentuk yang masih kabur, ringkas dan terhad, namun ia telah memberi nafas baru kepada perkembangan pengajian Syariah atau fiqh di Malaysia. Ringkasnya, pengajian Syariah di zaman ini lebih luas dan terbuka.

3) Pendekatan Syariah Selepas Kemerdekaan

Setelah mencapai kemerdekaan, pendidikan Islam telah dilaksanakan di sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah agama rakyat telah banyak ditubuhkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Perhatian yang serius telah diberikan oleh pihak kerajaan terhadap sekolah-sekolah ini dengan menghulurkan pelbagai bentuk bantuan.

⁸⁴ *Ibid*, h 78.

Beberapa buah kerajaan negeri seperti kerajaan Terengganu, Kedah dan Kelantan telah mengambilalih pentadbiran sekolah-sekolah ini.⁸⁵

Di sekolah-sekolah kebangsaan biasa, pengajian Islam telah dilaksanakan berdasarkan Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961.⁸⁶ Pada peringkat awal, matapelajaran agama Islam telah diajar di luar jadual waktu persekolahan, iaitu di sebelah petang. Tetapi, pada tahun 1962, matapelajaran agama Islam telah dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa sebanyak 120 minit seminggu.⁸⁷

Menyentuh mengenai kurikulum pendidikan Islam ketika itu, ia lebih banyak menumpukan kepada asas-asas dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pengajian Islam, seperti aspek tauhid, fiqh, sejarah Islam dan pengajaran-pengajaran dari sejumlah tertentu ayat-ayat al-Quran dan Hadith. Cara pembelajaran dan pengajarannya lebih mengarah kepada penyampaian maklumat dan ilmu mengenai Agama Islam berbanding pencapaiannya dalam aspek amalan dan penghayatan Islam di kalangan pelajar-pelajar. Para pelajar pula lebih banyak menghafaz fakta daripada memahaminya.⁸⁸

Masalah yang berlaku dalam sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah ini dipandang serius oleh pihak kerajaan. Sebuah jawatankuasa mengkaji matapelajaran

⁸⁵ Ismail Ab. Rahman (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi:UKM, h.15-16

⁸⁶ Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. h.105.

⁸⁷ Tuan Haji Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu dalam *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah* h.105-106.

⁸⁸ *Ibid.*, h.106-107.

Agama Islam di sekolah telah dibentuk pada tahun 1978. Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 telah melaporkan bahawa

“pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitik beratkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki..” (Perkara 348.3)

Dengan ini, beberapa langkah telah diambil. Di antaranya ialah melaksanakan Kurikulum Baru Pendidikan Islam di sekolah rendah pada tahun 1982, dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1989.⁸⁹

Kurikulum Baru Pendidikan Islam memberi penekanan yang lebih kepada amalan dan penghayatan Islam. Pengajaran Pendidikan Islam tidak hanya sekadar memberi ilmu, nasihat, didikan dan ingatan dalam bilik darjah, tetapi ia perlu diamalkan secara berterusan di mana sahaja mereka berada. Dengan ini, pengajian Syariah di sekolah-sekolah yang mana ia diajar dalam matapelajaran fiqh turut mengalami pembaharuan dan perkembangan.

Kemerdekaan yang telah dicapai pada tahun 1957 turut menyaksikan perkembangan pengajian Syariah di IPT. Pada tahun 1955, Kolej Islam Malaya telah ditubuhkan sebagai peringkat tertinggi pengajian Islam di tanahair kita. Seterusnya, pada 18 Mei 1970, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan dan serentak dengan ini, Kolej Islam Malaya telah ditutup.⁹⁰

⁸⁹ *Ibid.*, h. 108-109.

⁹⁰ Ismail Abdul Rahman (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*. h. 16.

4) Pendekatan Pengajian Syariah Di Zaman Post Kebangkitan Semula Islam

Zaman ini berlangsung bermula dari akhir dekad 70an atau awal 80an. Pada zaman ini, dunia telah dilanda dengan arus kebangkitan Islam. Masyarakat Malaysia juga tidak ketinggalan dengan perkembangan yang berlaku.

Dengan kesedaran Islam yang begitu tinggi ketika itu, muncullah golongan reformis yang memperjuangkan gerakan tajdid secara terancang. Ketika itu juga, satu trend telah melanda ummat Islam seluruh negara, iaitu satu trend yang mengutamakan kepentingan keadaan dan realiti semasa Malaysia di dalam sesuatu perjuangan Islam⁹¹. Hasil daripada trend ini, cara pendekatan badan-badan dakwah dan sarjana-sarjana tempatan telah berubah sedikit demi sedikit.

Sikap mereka yang sebelum ini lebih banyak berkiblat kepada Timur Tengah dan Pakistan dan menelan bulat-bulat segala saranan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Islam antarabangsa, nampaknya telah mula berubah. Dengan trend yang ada sekarang, mereka telah mampu mentafsir dan menapis semula sebarang pendapat yang diterima, sesuai dengan realiti tempatan Malaysia.⁹²

Di peringkat IPT pula, sejak kebelakangan ini trend ini telah melahirkan gagasan fiqh Islam semasa Malaysia. Konsep ini bertujuan untuk menyediakan pelan bertindak yang akan membuktikan bahawa Syariah Islam mampu beroperasi di

⁹¹ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah dalam Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (ed.) (2000), Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. h.39.

⁹² *Ibid.*

zaman moden. Dengan ini, budaya taqlid membuta tuli telah cuba dihapuskan oleh golongan reformis ini. Selain itu, trend ini juga cuba menghidupkan kembali peranan fuqaha' dalam penggunaan kaedah usul al-fiqh dalam beberapa aspek. Aspek-aspek tersebut ialah:

- a) Proses menilai pandangan fuqaha' klasik agar ianya bersesuaian dengan realiti semasa.
- b) Proses menilai, mengubah dan berijtihad terhadap permasalahan semasa di Malaysia dalam masalah yang tiada jawapan daripada nas al-Quran dan Sunnah atau kitab-kitab fiqh klasik.⁹³
- c) Proses mewujudkan database Malaysia tentang realiti semasa Malaysia dari segi latar belakang sejarah, struktur sosial, budaya, ekonomi, perubatan, politik dan sebagainya. Selain itu, ia juga menekankan keperluan mendalami ilmu-ilmu moden selain selain dari bidang hukum Islam⁹⁴.
- d) Proses menyediakan kaedah-kaedah dan metodologi asas di dalam ilmu usul al-fiqh yang dapat membantu golongan fuqaha menyelesaikan persoalan baru di Malaysia. Di antaranya ialah kaedah '*urf, ijtihad jamāi, tarjih, talfiq, ijmā'*. *maqāsid al-syar'iyah, maslahah, siyāsah syar'iyah*⁹⁵ dan lain-lain lagi.

⁹³*Ibid.*, h.40.

⁹⁴Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun dalam Abdul Karim ali & Raihanah Hj Azahari (ed.) (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.5-6.

⁹⁵Lihat bahagian metodologi (ii) buku: *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Sedang Membangun*. h.47-99.

2.3.2) Perkembangan Pengajian Syariah di IPT di Malaysia

Selaras dengan kesedaran Islam yang memuncak di kalangan masyarakat Islam Tanah Melayu pada awal tahun 50an, maka timbullah idea penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi Islam. Mereka juga mulai sedar bahawa universiti barat bukanlah model yang unggul yang seharusnya diikuti oleh universiti lain. Pemujaan terhadap universiti barat akan memberi kesan yang parah kepada ummat Islam sekiranya mereka hanya menerima tanpa bersikap kritis.⁹⁶

Atas permintaan masyarakat Islam ketika itu, maka pada tahun 1949, Mawlana Abdul Alim Siddique telah mencadangkan penubuhan sebuah kolej Islam di Semenanjung Malaysia kepada Lembaga Penasihat Islam Singapura. Pada tahun 1952, atas persetujuan al-Marhum Sultan Hisyamuddin Alam Syah, maka tertubuhlah Kolej Islam Malaya yang dibina di Istana Kelang dan dirasmikan pada 22hb Februari 1955 oleh Sultan Selangor.⁹⁷ Pada tahun 1961, Universiti al-Azhar telah memberi pengiktirafan terhadap Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya sebagai setaraf dengan ijazah pertama Universiti al-Azhar. Kemudian, Universiti Of London juga turut memberi pengiktirafan terhadap Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya.

⁹⁶ Zaini Ujang (1993), *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h.52-53

⁹⁷ Faudzinain Haji Badaruddin dan Ahmad Sunawari Long (2001), 30 Tahun Pengajian Islam: Memahami Masa Lalu, Mengharungi Cabaran Masakini dan Membentuk Masa Depan dalam *Prosiding Persidangan Ulangtahun ke-30 UKM*, h.341-342.

Pada tahun 1965, ditubuhkan pula Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan⁹⁸. Lima tahun kemudian, iaitu pada 18hb Mei 1970 ditubuhkan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Di UKM, terdapat lima buah jabatan di bawah Fakulti Pengajian Islam, iaitu Syariah, Usuluddin dan Falsafah, Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Dakwah dan Kepimpinan serta Quran dan Sunnah⁹⁹. Pada tahun yang sama juga, ditubuhkan Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya. Pada tahun 1981, terbentuklah pula Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, dan diikuti dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1983. Di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, terdapat dua buah jabatan, iaitu Syariah dan Usuluddin. Jabatan Syariah dipecahkan pula kepada lima bahagian, iaitu Fiqh Usul, Ekonomi, Undang-undang, Siyasah dan Pengurusan. Manakala UIA pula menawarkan Ijazah Pengajian Ilmu Wahyu dengan pengkhususan dalam Fiqh atau Usul Fiqh.¹⁰⁰

Pengajian Syariah di IPTA seperti di UM, UKM dan UIAM sejak kebelakangan ini telah menampakkan kematangannya. Di UM, pemecahan jabatan Syariah kepada lima bahagian membuktikan bahawa wujudnya kesedaran untuk mengambilkira faktor-faktor semasa dan setempat di Malaysia. Pembahagian jabatan ini membolehkan para pelajar membuat pengkhususan bukan sahaja dalam bidang

⁹⁸ Ibrahim Abu Bakar, "Kolej Islam Baru di Malaysia", (Kertas kerja Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi Asean Ke-3, Bangi: fakulti pengajian Islam UKM, 5-7 November 2001), h. 2

⁹⁹ *Buku Panduan Prasiswazah Sesi Akademik 2002/2003*. Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi

¹⁰⁰ Faudzinaini Haji Badaruddin dan Ahmad Sunawari Long, "Konsep dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam dan Swasta di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3, Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 5-7 November 2001) ,h.341-342. Lihat juga Shahril @ Charil Marzuki et al (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia Sorotan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd, h. 141-145.

Fiqh dan Usul, tetapi juga dalam bidang ekonomi, undang-undang, siyasah dan juga pentadbiran.

Fakulti Pengajian Islam UKM pula telah mengalami beberapa proses perubahan semenjak awal penubuhannya sehinggalah sekarang. Mengikut Dr. Samat Musa, pengajian Syariah di UKM pada hari ini adalah lebih baik berbanding dengan pengajian Syariah klasik. Kurikulum baru pengajian Syariah dan Undang-undang adalah lebih berkesan dan dirangka khusus dengan mengambil kira persoalan semasa.¹⁰¹

Manakala penubuhan UIAM pada 1983 telah menjadi satu fenomena yang menarik dalam bidang pendidikan di negara kita. Pengajian Ilmu Wahyu dan Warisan Islam yang ditawarkan di UIAM telah menggabungkan di antara pengajian Islam dan juga ilmu sains kemasyarakatan. Para pelajar berpeluang membuat pengkhususan dalam bidang pengajian Islam seperti Fiqh dan Usul, Quran dan Sunnah serta Usuluddin dengan minor di dalam bidang Sains Kemasyarakatan. Mereka boleh membuat pengkhususan sampingan samada dalam bidang psikologi atau sejarah¹⁰².

Di Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), pengajian Syariah dan Undang-undang telah diperkenalkan kepada para pelajarinya. Ia tidak dipelajari secara khusus sebagai satu matapelajaran yang membolehkan siswazahnya menjawat apa-apa jawatan kehakiman atau menjadi qadhi. Tetapi, ia diperkenalkan sebagai

¹⁰¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (Dr)(1997), *Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti dalam Dinamisme Pengajian Syariah*. h.104.

¹⁰² *Op.cit.*, h. 6.

alternatif kepada undang-undang ciptaan manusia yang diterima pakai oleh negara ini. Dari segi sukatan pelajarannya, sebelum tahun 1993, ia diajar dengan tujuan mendidik kepada bagaimana seorang muslim harus bertingkah laku dan diajar secara menyeluruh. Tetapi, mulai tahun 1993, kurikulum baru iaitu Kurikulum Bersepadu Universiti telah menggantikan sukatan lama. Ia lebih kepada kajian akademik dan latihan minda sahaja¹⁰³.

Di Universiti Sains Malaysia (USM) pula, Pengajian Islam telah diperkenalkan pada tahun 1981. Tiga buah kursus ditawarkan pada dua tahun permulaan, iaitu Pengantar Islam, Perluasan Aqidah Islamiyyah dan Fiqh al-Muamalat. Kemudian, Bahagian Pengajian Islam di USM menawarkan kursus dalam bentuk pakej, iaitu:

- a) Pakej Usuluddin
- b) Pakej Syariah
- c) Pakej Tamadun¹⁰⁴

Di dalam perubahan terkini yang telah dilakukan oleh USM, terdapat tiga buah kursus dibawah pakej setiap pakej. Bagi pakej Syariah, kursus-kursus yang ditawarkan ialah Sumber dan Prinsip Perundangan Islam, Fiqh al-Muamalat dan juga Fiqh al-Munakahat. Pengajian Islam di USM ditawarkan dalam bentuk kursus minor.

¹⁰³ Mohd. Hasbullah Bushro Bin Kasran (1993), "Seminar Pengajian Syariah Dan Undang-undang di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia Peringkat Kebangsaan" (Kertas Kerja,Bangi:UKM), h.9.

¹⁰⁴ Leha @ Zaleha Muhamat (1993), *Ibid.* h.3.

Para pelajar yang berminat untuk minor di dalam pengajian Islam dikehendaki lulus kursus pra-syarat, kemudian bolehlah memilih salah satu pakej.¹⁰⁵

Bagi para pelajar di UM, UKM dan UIAM, pengajian Syariah diajar sebagai satu kursus yang membolehkan para pelajar mendapat ijazah di dalam bidang pengajian ini. Bagi IPTA yang lain, kebanyakannya hanya menawarkan kursus Tamadun Islam samada sebagai matapelajaran wajib atau elektif sahaja.¹⁰⁶

Selain IPTA, kolej-kolej di bawah kerajaan negeri juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan pengajian Syariah. Kolej Islam negeri yang terawal ditubuhkan ialah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Kuala Terengganu. Ia ditubuhkan pada tahun 1980¹⁰⁷. Pada tahun 1992, Kerajaan Pahang telah menubuhkan Institut Kolej Islam Pahang. kolej ini menawarkan tujuh buah kursus. Dua di antaranya ialah Diploma Perniagaan dan Kewangan Islam serta Diploma Pentadbiran Institusi Islam¹⁰⁸. Kemudian, pada tahun 1995, ditubuhkan pula Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) dan dalam waktu yang sama di Kedah¹⁰⁹, ditubuhkan INSANIAH¹¹⁰.

¹⁰⁵ *Ibid*, h. 4-5.

¹⁰⁶ Kaseh Abu Bakar, Roziah Sideik @ Mat Sidek, Fariza Md Sham, "Paradigma Pendidikan Islam IPT Di Malaysia: Ulasan Dan Saranan" (Kertas kerja Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3, Bangi: UKM pada 5-7 November 2001), h. 8.

¹⁰⁷ *Buku Panduan KUSZA*, KUSZA, Terengganu, h. 3.

¹⁰⁸ <http://www.ikip.edu.my/>, 29 Oktober 2002

¹⁰⁹ Ahmad Sunawari Long, Faudzinaim Haji Badaruddin, "Konsep Dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam Dan Swasta Di Malaysia" (Kertas kerja Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3 Bangi: UKM pada 5-7 November 2001), h. 3.

¹¹⁰ <http://www.insaniah.edu.my/insan/pengenalan.html>, 28 Oktober 2002.

Seterusnya, pada tahun 1996, sebuah lagi kolej Islam ditubuhkan di Pahang, iaitu Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)¹¹¹. Pada tahun 1997, Pusat Pengajian Islam dan Bahasa Arab (MARSAH) Jabatan Agama Johor telah ditubuhkan¹¹². Pada masa yang sama juga, lahir pula Kolej Universiti Teknologi Islam (UNITI) di Negeri Sembilan¹¹³. Selain kolej-kolej yang telah dinyatakan di atas, terdapat juga kolej-kolej negeri yang lain seperti Kolej Islam Johor, Kolej Islam Darul Ehsan, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis dan juga Institut Tahfiz al-Quran JAKIM.¹¹⁴

Di samping kolej-kolej negeri, terdapat juga kolej-kolej Islam swasta. Pada tahun 1997, Institut Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab yang dikenali sebagai MADIWA telah ditubuhkan oleh Tuan Haji Awang @ Haji Maa'mor¹¹⁵. Pada tahun 2001, Institut Teknologi A.N.S. di Kedah telah menawarkan Diploma Syariah (Pentadbiran Islam)¹¹⁶. Selain itu, banyak lagi kolej swasta yang menawarkan pengajian Syariah seperti Kolej Dar al-Hikmah di Sungai Ramal Dalam, Kajang, Institut Pengajian Tinggi Islam dan Tahfiz al-Quran (IFTITAH) di Pasir Mas, Kelantan¹¹⁷ dan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) di Pokok Sena, Kedah.

¹¹¹ <http://www.kipsas.edu.my/>, 29 Oktober 2002.

¹¹² Ibrahim Abu Bakar, "Kolej Islam Baru Di Malaysia" (Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN Ke-3, Bangi: UKM pada 5-7 November 2001), h.7.

¹¹³ http://www.uniti.com.my/intro/intro_kolej.htm, 28 Oktober 2002.

¹¹⁴ Kaseh Abu Bakar, Roziah Sideik @ Mat Sidek, Fariza Md Sham, "Paradigma Pendidikan Islam IPT Di Malaysia: Ulasan Dan Saranan" (Kertas kerja Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3, Bangi: UKM pada 5-7 November 2001), h.8.

¹¹⁵ Ibrahim Abu Bakar, "Kolej Islam Baru di Malaysia" (Kertas kerja Seminar Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3, Bangi: UKM pada 5-7 November 2001), h.7.

¹¹⁶ <http://www.ans.>, 29 Oktober 2002.

¹¹⁷ *Harakah*, Bil 1227, 16-30 Nov 2002, h.27.

Penubuhan pelbagai institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengajian Syariah membuktikan bahawa pengajian ini sentiasa mendapat tempat dan perhatian masyarakat. Ia juga membuktikan bahawa graduan atau cerdik pandai dalam bidang ini sentiasa diperlukan dalam masyarakat bagi menyelesaikan isu-isu semasa, khususnya yang tidak ada jawapannya secara terus di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, ia turut menggambarkan bahawa pengajian Syariah semakin berkembang sebagai satu disiplin ilmu yang suci dan penting dalam kehidupan ummat Islam.

2.5) PENUTUP

Pengajian Syariah bukanlah satu ilmu yang baru bermula. Tetapi, ia telah bermula sejak wahyu diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Walau bagaimanapun, ketika itu ia dilihat sebagai tidak terpisah daripada ilmu-ilmu yang lain seperti aqidah dan al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil perkembangan ilmu-ilmu lain, maka pengajian Syariah juga perlu berdiri sebagai satu disiplin ilmu yang khusus. Ia bukanlah bererti ilmu-ilmu Islam tidak bersatu, tetapi hanya sebagai satu pengkhususan.

Seperti ilmu-ilmu yang lain, pengajian Syariah juga memerlukan metodologi pengajian yang tersendiri. Ini kerana metodologi pengajian yang baik akan memudahkan proses penyampaian ilmu. Sebagai medan ilmu, institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengajian Islam perlu disediakan dengan metodologi pengajian yang baik dan berkesan.